

PZS salur zakat RM15,000 kepada 60 penerima pelajar dan k-tangan UMS

NST 29.6.16 3

KOTA KINABALU: Pusat Zakat Sabah (PZS) menyalurkan zakat sebanyak RM 15,000 kepada 60 penerima iaitu pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang tidak berkemampuan bagi memberikan kegembiraan untuk meringankan beban di bulan Ramadan dan Syawal.

Penerima diberi sebanyak RM300 untuk setiap seorang.

Majlis ini secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan imej Pusat Zakat Sabah sebagai wadah ekonomi Islam yang sangat bermanfaat kepada masyarakat Islam khasnya kepada pelajar yang memerlukan bantuan.

Majlis itu dijalankan sempena berbuka puasa anjuran UMS dengan kerjasama Pusat Zakat Sabah di masjid universiti pada Isnin lalu.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah, Datuk Jainab Ahmad Ayid turut hadir dan menyalurkan bantuan seperti hamper dan kurma kepada pelajar dan kakitangan yang hadir di majlis tersebut.

Syarikat Markmaju Corporation Sdn Bhd dengan francais Mc Donald juga menyumbangkan 200 paket makanan kepada yang hadir.

Dalam majlis ini, aktiviti yang dijalankan adalah seperti Solat Maghrib, Isyak seterusnya Solat Sunat Terawih. Para hadirin turut berpeluang mendengar ceramah mengenai lailatul qadar dan kelebihan berpuasa.

Turut hadir, Naib Canselor UMS Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, kakitangan UMS dan lain-lain.



SUMBANGAN IKHLAS ... Harun menyumbangkan sumbangan bantuan kepada salah satu pelajar.